

Kes denggi di Pulau Pinang, Terengganu meningkat

» Dua kematian baharu dicatatkan di Bukit Mertajam, Georgetown

BH
24/1/16
mls 20



Ahmad Razif (kiri) turut serta bergotong-royong memungut sampah pada Majlis Gotong-Royong Perdana Memerangi Denggi di Kampung Bukit Kandis, semalam.

[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

► **Sungai Dua**

Sebanyak 532 kes denggi dilaporkan di seluruh Pulau Pinang dalam tempoh 3 hingga 22 Januari lalu, termasuk 189 kes sepanjang minggu kedua bulan ini yang turut membabitkan dua kematian.

EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Afif Bahardin, berkata kes demam berkenaan bagi minggu kedua bulan ini, meningkat daripada 146 kes yang dilaporkan pada 3 hingga 9 Januari lalu.

Katanya, dua kes kematian terbaru akibat denggi, masing-masing membabitkan seorang wanita berusia 28 tahun di Machang Bubok, Bukit Mertajam serta remaja lelaki berusia 13 tahun di Kampung Jawa, Georgetown.

“Tahun lalu, ada 19 kematian akibat denggi berbanding 11 pada tahun 2014. Langkah pencegahan akan diteruskan bagi menghentikan penularan penyakit ini dengan semburan asap untuk membunuh nyamuk, kerja pembersihan dan pemusnahan tempat berpotensi membiak aedes,” katanya di sini, semalam.



Sementara itu, Afif berkata, agensi kerajaan yang terbabit dalam program gotong-royong anjuran penduduk akan menarik diri jika masyarakat tidak memberikan kerjasama dan penyertaan pada program itu terus merosot, sedangkan ia boleh membantu menangani pembiakan aedes.

Terengganu bincang langkah tangani denggi Di Kuala Nerus, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, berkata kerajaan negeri akan mengadakan mesyuarat khas hari ini untuk membincangkan langkah menangani kes denggi yang semakin meningkat di seluruh negeri itu.

“Mesyuarat akan membincangkan tindakan segera yang perlu diambil untuk menangani kes denggi yang sudah mengorbankan lima orang dalam tempoh kurang sebulan. Ia juga akan membincangkan penubuhan pasukan khas menangani denggi seperti yang kami tubuhkan ketika berdepan banjir dua tahun lalu.

“Skudai ini akan disertai sukarelawan Transformasi Terengganu Baharu (TTB), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta pelbagai agensi kerajaan lain, termasuk Jabatan Kesihatan, pihak berkuasa tempatan serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu,” katanya.

Beliau yang ditemui pemberita pada Majlis Gotong-Royong Perdana Memerangi Denggi di Kampung Bukit Kandis semalam, berkata Terengganu mencatatkan bilangan kes denggi kelima tinggi di seluruh negara setakat Rabu lalu.

Sehingga semalam, daerah Kuala Terengganu mencatatkan kes denggi tertinggi iaitu 265, diikuti Kuala Nerus (65), Dungun (26), Besut (19), Marang (14), Hulu Terengganu (11), Kemaman (5) dan Setiu (2). Selain itu, sebanyak 30 lokaliti wabak dikenal pasti masih aktif dengan 26 lokaliti wabak terkawal dan empat tidak terkawal.

Lokaliti wabak terkawal membabitkan 16 lokasi di daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus (7), Besut (2) dan Dungun (1). Empat lokaliti wabak tidak terkawal pula hanya membabitkan daerah Kuala Terengganu, iaitu Jalan Panji Alam, Kampung Chendering Pantai, Kampung Gong Tok Nasek Hilir dan Kedai Buloh.